

Menangani wakaf rentas sempadan

Agar dinamik wakaf tidak terhalang perkembangannya, manakala autoriti MAIN pula tidak dilanggar

Sekarang, minat dan kesedaran terhadap wakaf boleh dikatakan sedang berkembang dengan baik. Kehendak politik (*political will*) pihak berkuasa pun agak tinggi. Organisasi-organisasi wakaf, sama ada organisasi kerajaan atau bukan-kerajaan juga cukup kreatif. Bahkan instrumen wakaf, terutamanya teknologi kewangan (*financial technology, fintech*) tersedia dengan luas dan cukup membantu sekali.

Fenomena sedemikian tentunya sangat positif. Tetapi pada masa yang sama, implikasinya juga perlu diteliti, ditangani dan diurus dengan sebaiknya.

Antara implikasi ketara yang lahir daripada fenomena perkembangan wakaf di atas ialah lahirnya satu bentuk wakaf baharu yang boleh dinamakan wakaf rentas sempadan (*borderless waqf*).

Wakaf rentas sempadan ini merujuk kepada satu bentuk wakaf yang tidak hanya terhad di satu-satu negeri sahaja, malah ia bersifat global, merentas ke peringkat nasional dan antarabangsa.

Salah satu instrumen yang mempercepatkan suburnya wakaf rentas sempadan ini ialah instrumen *fintech* yang kini sangat sistematik dan canggih.

Penggunaan *fintech* dan lahirnya wakaf rentas sempadan ini pula menimbulkan implikasi kepada autoriti Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Ceritanya begini.

Menurut sistem perundangan Malaysia dan Senarai Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan Senarai II (Senarai Negeri), semua isu berkaitan wakaf di Malaysia adalah di bawah kawalan dan pengurusan MAIN negeri masing-masing.

Dalam Enakmen negeri-negeri di Malaysia, MAIN adalah pemegang amanah tunggal wakaf. Setiap wakaf perlu didaftarkan dengan MAIN, dan MAIN berhak melantik *mutawalli* untuk menguruskan wakaf-wakaf tersebut.

Keharmonian antara MAIN

Sesebuah organisasi yang ingin menjalankan aktiviti wakaf wajib mendapat kebenaran dari MAIN di negeri mana organisasi tersebut bertapak. Dengan kelulusan itu barulah organisasi tersebut boleh menguruskan wakaf, sama ada dari segi kutipan harta wakaf (*maukuf*) atau pengagihannya kepada penerima manfaat wakaf (*maukuf alaih*). Kelulusan menjalankan aktiviti wakaf tersebut walau bagaimanapun hanyalah terhad kepada negeri berkenaan sahaja.

Jika organisasi wakaf tersebut mahu meluaskan aktiviti wakafnya ke negeri-negeri lain di Malaysia, maka kebenaran dari MAIN di negeri-negeri lain tersebut mesti juga dimohon dan diperolehi.

Namun begitu, dengan wujudnya kemudahan penggunaan *fintech*, sesebuah organisasi tersebut bukan hanya berupaya mengutip wakaf dan mengagihkannya kepada *maukuf alaih* di



Teknologi baharu seperti *blockchain* dan kontrak pintar akan memudahkan pengurusan dan pengagihan aset wakaf secara telus.

negeri tersebut sahaja, tetapi berupaya melakukannya dengan mudah di peringkat nasional dan antarabangsa, sehingga aktiviti pewakafannya merentas sempadan.

Dalam keadaan sedemikian, bagaimanakah MAIN boleh memastikan Enakmen yang diperuntukkan kepadanya dapat dijalankan dengan sempurna? Apakah hukum Islam dan undang-undang semasa yang boleh dipakai untuk mengharmonikan antara autoriti MAIN yang bersifat lokaliti dengan dinamika wakaf yang bersifat rentas sempadan tersebut?

Jawapan kepada persoalan-persoalan ini tentunya mesti dicari seumpama menarik rambut dari tepung. Blar rambut yang ditarik tidak putus, manakala tepung pula tidak tumpah berselerak. Blar dinamika wakaf rentas sempadan tidak terhalang perkembangannya, manakala autoriti MAIN pula tidak dilanggar.

Maknanya, MAIN seboleh mungkin kena cuba menampung dinamika wakaf rentas sempadan dan memudahkan mekanisme operasi wakaf tersebut. Begitulah juga sebaliknya. Organisasi-organisasi wakaf rentas sempadan perlu menjalankan aktiviti-aktiviti wakafnya dalam kerangka autoriti MAIN dan menghormati autoriti tersebut dengan sebaiknya.

Setakat ini, kajian ringkas Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia mendapati bahawa hal sedemikian sememangnya telah berlaku, walaupun belum sepenuhnya. Cuma dalam kalangan MAIN sendiri, terdapat dua senario yang berbeza.

Kuasai teknologi

Pertama, ada MAIN yang sedar tentang impak *fintech* dan wakaf rentas sempadan ini, tetapi belum memberi perhatian

seperuhnya. Ia tidak bersedia menghadapi cabaran wakaf rentas sempadan ini kerana dua sebab.

Pertama, bidang kuasanya mengikut perundangan Enakmen hanya tertumpu kepada harta wakaf tak alih, sedangkan *maukuf* dalam wakaf rentas sempadan kebanyakannya adalah harta wakaf alih.

Kedua, ia juga belum mampu mengikuti, apatah lagi menguasai perkembangan teknologi seperti *fintech* yang dipakai sebagai instrumen penting dalam wakaf rentas sempadan tersebut. Ia tidak mempunyai kepakaran.

Senario kedua pula agak positif, tetapi masih berada dalam bentuk imajinatif. Ada MAIN berpandangan bahawa wakaf rentas sempadan patut digalakkan melalui tadbir urus yang baik, serta dicapai dengan mewujudkan dana global untuk wakaf, atau dengan membenarkan pelaburan aset wakaf dalam pelbagai projek dan inisiatif di seluruh dunia.

Teknologi baharu seperti *blockchain* dan kontrak pintar boleh memudahkan pengurusan dan pengagihan aset wakaf secara telus dan cekap.

Pendeknya ia percaya kepada kedinamikan wakaf rentas sempadan, tetapi belum melaksanakannya secara penuh. Kalau ada pun hanyalah penggunaan *fintech* dalam beberapa urusan hal-ehwal wakaf sahaja. Kebanyakannya hanyalah di peringkat organisasinya sahaja.

Walau apapun senarionya, MAIN dan organisasi-organisasi wakaf, sama ada organisasi wakaf kerajaan atau bukan-kerajaan, pastinya kena duduk berunding, meneliti dan mencari jalan terbaik untuk membangunkan wakaf rentas sempadan ini secara bersama, bantu-membantu antara satu sama lain demi pembangunan ummah nasional khususnya, dan pembangunan ummah sejagat amnya.



PROF DR MUHAMMAD SYUKRI SALLEH

Profesor Kehormat Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia